

SLOAN'S LINIMENT

Oil of Turpentine (46.935% w/w) / Methyl Salicylate (4.79% w/w) / Menthol (1.17% w/w)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Sloan's Liniment
2. Bagaimana Sloan's Liniment berfungsi
3. Sebelum menggunakan Sloan's Liniment
4. Cara menggunakan Sloan's Liniment
5. Semasa menggunakan Sloan's Liniment
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Sloan's Liniment
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemas kini RiMUP

Apakah kegunaan Sloan's Liniment

Untuk digunakan di luar badan bagi meredakan Sengal Otot, Sakit Urat Pinggang, Lehar Keras, Sakit Saraf, Penyakit Sengal, Seluih, Lebam dan Sengal Sejuk

Bagaimana Sloan's Liniment berfungsi

Apabila digunakan pada kulit, ia memberi rasa kehangatan dan melegakan kesakitan.

Sebelum menggunakan Sloan's Liniment

- Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda mempunyai alahan terhadap Oil of Turpentine, Methyl Salicylate, Menthol atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.

- Sebelum menggunakannya

Dapatkan nasihat daripada doktor atau ahli farmasi sebelum menggunakan Sloan's Liniment jika anda alah kepada mana-mana bahan yang disenaraikan.

Sapukan sedikit untuk menguji pada kulit terlebih dahulu sebelum memberikan dos penuh jika tidak pasti alahan.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang

dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya, atau kedai makanan kesihatan.

Cara menggunakan Sloan's Liniment

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat di dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

- Berapa banyak harus digunakan

Sapukan linimen secara bebas dengan kain flanel lembut atau sekeping bulu kapas.

- Bila perlu digunakan

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

- Berapa lama perlu digunakan

Gunakan ubat ini mengikut tempoh yang ditetapkan oleh doktor anda atau jika perlu mengikut dos yang disyorkan..

- Jika anda terlupa menggunakan

Sapukan dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan menyapu ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan sapukan dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal

- Jika menggunakannya secara berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Penggunaan berlebihan ubat ini boleh menyebabkan kerengsaan kulit atau pemekaan.

Semasa menggunakan Sloan's Liniment

- Perkara yang perlu dilakukan

Maklumkan kepada semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan Sloan's Liniment.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berikan Sloan's Liniment kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

Produk ini tidak boleh digunakan pada kanak-kanak berumur 2 tahun dan ke bawah atau mereka yang mempunyai alahan yang diketahui kepada mana-mana bahan dalam formulasi.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Untuk kegunaan luaran sahaja. Elakkan sapuan terus ke dalam lubang hidung.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubatan lain, Sloan's Liniment boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang akan mengalaminya.

Kesan sampingan yang mungkin berlaku adalah:

- Kerengsaan kulit atau pemekaan

Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas menggunakan ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adverse Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [*Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*].

Cara penyimpanan dan pelupusan

Sloan's Liniment

- Penyimpanan

Jauhi semua ubat daripada kanak-kanak.

Jauhkan dari api.

Simpan pada suhu di bawah 30°C.

Jangan sapu ubat ini selepas tarikh luput atau.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cecair jernih berwarna coklat kemerahan

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif

- Oil of Turpentine
- Methyl Salicylate
- Menthol

- Bahan tidak aktif

- Pine Oil
- Camphor
- Nonivamide
- D&C Yellow No.11
- D&C Red No.17
- Paraffin Liquid

- Nombor MAL

MAL*****

Pengilang

PT. EAGLE INDO PHARMA
Jl. Prabu Siliwangi KM 1, Kelurahan
Alam Jaya, Kecamatan Jatiuwung
Tangerang 15133, Indonesia

Pemegang Pendaftaran Produk

EAGLE PHARMA (M) SDN. BHD.
29-1, Jalan Puteri 2/6 Bandar Puteri,
47100 Puchong, Selangor.

Tarikh kemas kini RiMUP

05/03/2026

Nombor Siri

NPRA (R2) 26/014